

PENDIDIKAN SASTERA MELAYU MEMPERKUKUHKAN PEMBINAAN KARAKTER PELAJAR

MALAY LITERATURE EDUCATION IN STRENGTHENING THE CONSTRUCTION OF STUDENT CHARACTERISTICS

*Fathin Noor Ain Ramli, Azhar Hj. Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak
azhar@fbk.upsi.edu.my*

ABSTRAK

Pengajaran Sastera Melayu di sekolah adalah untuk melengkapkan pelajar dengan ilmu sastera selain memupuk rasa bangga terhadap bahasa dan kesusasteraan Melayu dalam pendidikan, seterusnya membina kerjaya ke arah pemantapan cita rasa sastera dalam kalangan masyarakat. Penulisan kertas kerja ini memperlihatkan dapatan tentang keupayaan Pendidikan Sastera Melayu khususnya teks komsas sekolah menengah dalam usaha untuk memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar. Penelitian tekstualiti ini berasaskan kepada kajian kualitatif dengan menggunakan *Teori Sosiologi Sastera* yang menganalisis sesebuah karya sastera sebagai suatu reaksi peristiwa yang terjadi dalam masyarakat. Dapatan penelitian ini membuktikan tanggapan pelajar bahawa pembacaan terhadap bacaan sastera yang mereka pelajari dalam Pendidikan Sastera Melayu terutamanya Komsas dapat mempengaruhi pembinaan karakter yang berteraskan sopan santun dan beretika. Sopan santun pelajar boleh dilihat dari kesantunan berbahasa yang merujuk kepada nilai sopan, melibatkan pertuturan yang elok, halus dan indah serta sikap yang memancarkan budi pekerti mulia. Manakala etika seseorang pelajar boleh difokuskan tentang tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar, terhadap ibu bapa sebagai seorang remaja dalam sosial masyarakat dan juga etika terhadap guru dan pihak sekolah. Etika dijadikan sebagai landasan dalam kehidupan seorang pelajar yang mengarahkan secara total akan kebaikan dan menjadikan mereka sebagai insan sempurna. Implikasi kajian ini adalah penting untuk mengetahui sejauh mana pengaruh bahan bacaan sastera terhadap pembinaan karakter seseorang pelajar dan memberi gambaran akan kepentingan menghasilkan karya sastera yang bermutu dalam mendidik pelajar dengan mengutamakan nilai-nilai murni dalam masyarakat.

Kata Kunci: Pendidikan, Karakter, Ilmu sastera, Sopan santun, Etika

ABSTRACT

Malay literature which is taught in school is to equip students with literary knowledge in order to foster a sense of pride in Malay language and literature education besides careers towards the enhancement of literary tastes among the community. The writing of this paper will presents the findings on the ability of Malay Literature Education, especially Komsas of secondary school in order to strengthen the character building of students. This textuality study is based on a qualitative study using the Sociology Theory of Literature which analyzes a literary work as a reaction to incidents occurring in society. The findings of this study show that students agreed by reading the literary materials that they have learned in Malay Literature Education especially Komsas, can influence the development of character which is based on politeness and ethics. Students' politeness can be seen from language politeness which refers to the values of politeness, involves good speech, subtle and beautiful and attitudes that emit noble character. While the ethics of a student can be focused on their responsibilities as a student, to parents as a teenager in social societies as well as ethics towards teachers and the school. Ethics are used as a foundation in the life of a student which totally leads to goodness and makes them as a perfect person. The implication of this study is important to know the extent of literary influence on the construction of a student's character and to illustrate the importance of producing quality literary works in educating students by prioritizing values in society.

Keywords: Education, Character, Literature Knowledge, Politeness and Ethics.

PENGENALAN

Pendidikan Kesusasteraan Melayu mempunyai objektif memupuk apresiasi terhadap karya sastera dan penulisnya serta memperkukuhkan peningkatan ketrampilan bahasa dan bersastera. Matlamatnya adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara iaitu untuk membolehkan pelajar menjiwai unsur dan nilai-nilai murni daripada segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan, menanam rasa bangga dan cinta terhadap tanah air dalam satu wawasan budaya kebangsaan yang dihasratkan, serta mengembangkan perlakuan anggota masyarakat negara bangsa Malaysia. Tujuan utama pengajaran kesusasteraan adalah untuk memperkenalkan kepada para pelajar aspek-aspek yang terdapat dalam sastera seperti kebudayaan, agama, moral, keindahan, kemanusiaan, bahasa dan sebagainya yang ada kaitannya dengan kehidupan sehari-hari dan masyarakat.

Pendedahan pelbagai aspek yang terdapat dalam karya sastera secara meluas dapat menyedarkan pelajar bahawa sastera adalah sebahagian daripada diri mereka sendiri. Suminto (2000) berpendapat bahawa pendidikan Kesusasteraan Melayu diharap dapat memperkayakan kehidupan rohaniah manusia. Tegasnya melalui pengajaran sastera didapati banyak dimensi kemanusiaan yang penting dan menyangkut hal-hal tersebut yang sememangnya ada hubungan yang tidak terpisah antara manusia, sastera dan pendidikan. Dengan kata lain pengajaran Kesusasteraan Melayu adalah penting bagi memupuk nilai-nilai murni pada diri pelajar yang sedang meningkat remaja menuju kedewasaan. Pengalaman estetik yang timbul hasil daripada pengajaran kesusasteraan Melayu dan pembacaan sesebuah karya sastera seperti novel dan cerpen didapati boleh merangsang pemikiran kritis, mengembang sifat-sifat keperibadian yang diinginkan dan seterusnya membentuk karakter pelajar yang matang dan rasional dalam pemikiran.

Dalam penulisan kertas kerja ini memperlihatkan dapatan tentang keupayaan Pendidikan Sastera Melayu khususnya teks komsas sekolah menengah dalam usaha untuk memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar. Karakter dirujuk sebagai sesuatu yang berkaitan dengan kebiasaan hidup individu yang bersifat menetap dan cenderung positif (Pritchard, 1988). Secara umum, karakter diertikan sebagai sifat khas dari diri seseorang yang bersumber daripada perlakuan yang terbentuk dari persekitaran. Misalnya, faktor keluarga dan bawaan seseorang dari sejak lahir yang membezakan seseorang dengan yang lain. Suyanto (2009) mendefinikan karakter sebagai cara berfikir dan perilaku yang menjadi ciri khas setiap individu untuk hidup dan bekerjasama, baik dalam ruang lingkup keluarga, masyarakat, bangsa, mahupun negara.

Pendidikan Kesusasteraan Melayu

Kesusasteraan Melayu meletakkan asas pendidikan yang utuh bagi sesebuah pemerintahan atau kerajaan membangunkan masyarakat sesebuah negara berpandukan ilmu dan suluh akal budi yang tinggi. Karya *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Hang Tuah*, *Bustanus al-Salatin*, *Tuhfat al-Nafis*, *Syair Hamzah Fansuri*, *Karya Sufi Syeikh Nuruddin ar-Raniri*, *Guridam Dua Belas Raja Ali Haji* dan pelbagai karya puisi dan sastera rakyat merupakan himpunan khazanah ilmu yang menjadi 'kitab' suluh pengetahuan dan pembentuk adab bangsa Melayu yang tinggi nilainya.

Kesusasteraan Melayu mempunyai horizon ilmu yang begitu luas untuk dibuat penelitian lewat karya sasteranya. Tidak ada bidang ilmu yang tidak boleh dibicara dan disampaikan seperti yang terdapat dalam bidang sastera. Justeru itu, bidang dan karya sastera sesungguhnya boleh menjadi wadah dan media untuk mendidik masyarakat sekali gus memasyarakatkan segala bidang dan disiplin ilmu. Apatah lagi kesusasteraan itu sendiri membicarakan tentang keindahan, menyampaikan idea dengan keindahan bahasa, tertib dan lenggok rima yang berirama dan bersesuaian dengan jiwa masyarakat yang suka kepada keindahan, kehalusan dan pelbagai rentak irama muzikal kehidupan. Malah, di sebalik peristiwa penting dalam sejarah dunia selalu ada karya besar sastera sebagai pencetus atau katalisnya.

Melalui cara dan gayanya yang tersendiri, kesusasteraan Melayu selalunya berfungsi sebagai sumber daya dorong yang kuat ke arah perubahan sosial dan budaya masyarakat. Malah, dalam karya sastera jugalah kita dapat menelaah falsafah dan pemikiran manusia yang membina tamadun sesuatu bangsa itu. Tanpa perlu berapologetik, sekiranya kita menelusuri karya sastera lama sama ada prosa atau puisi, terserlah pelbagai falsafah dan pemikiran yang mendasari setiap genre berkenaan. Contohnya, pemikiran tentang ketatanegaraan dibicarakan dengan indah dan "beralas/berlapik" dalam

Sejarah Melayu, falsafah kesetiaan yang paling luhur terhadap pemimpin dibicarakan dalam *Hikayat Hang Tuah*, pemikiran tentang alam kehidupan terungkap dengan puitis dan bermakna dalam pantun, syair, bidalan, peribahasa dan sebagainya, dan pemikiran tentang hubungan manusia dengan alam sekitar dan alam ghaib terungkap dalam untaian jampi, serapah dan mantera.

Oleh yang sedemikian, pendidikan kesusasteraan bukan sahaja berupaya menyerlahkan falsafah dan pemikiran manusia, masyarakat dan bangsa tetapi juga mengasuh, mengajar dan mentarbiyah manusia. Justeru fitrah manusia itu lahirnya indah dan sempurna (sebaik-baik kejadian) maka karya sastera itu tentunya memenuhi naluri fitrah kejadian manusia itu. Dalam konteks inilah pendidikan kesusasteraan itu amat penting dalam usaha membentuk dan memperkukuhkan pembinaan karakter sesuatu bangsa, khususnya karakter pelajar yang mencerminkan keunggulan pertumbuhan peradaban negara bangsa.

Berdasarkan kurikulum persekolahan kebangsaan yang mendukung hasrat mulia Negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Manakala kurikulum Kesusasteraan Melayu memberikan pemahaman pada nilai murni dan manfaat pendidikan untuk menyedarkan pelajar akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warga negara maju dan bermasyarakat berilmu. Pelajar dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan dan bertatasusila tinggi, bijaksana serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan.

Pendidikan Kesusasteraan Melayu bagi sekolah menengah didapati selari dengan apresiasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan dinamik daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Menyedari bahawa kesusasteraan ialah cerminan masyarakat dan budaya, maka kesusasteraan sangat penting dipelajari bagi semua pelajar untuk mereka memahami perlakuan manusia dan kemanusiaan melalui apresiasi dalam kesusasteraan Melayu. Dengan kata lain dalam konteks pendidikan, sastera Melayu adalah merupakan karya asal yang tertulis dalam bahasa Melayu berunsurkan keindahan dan kehalusan sama ada berbentuk novel, cerpen, drama, sajak, prosa tradisional atau puisi tradisional bagi mengimbangi perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani di samping memaparkan nilai kemanusiaan dan citra masyarakat, terutamanya dalam usaha memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar yang unggul.

Matlamat kurikulum Kesusasteraan Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan pelajar dengan ilmu sastera agar dapat menghayati, menghargai, mencintai dan memupuk rasa bangga terhadap bahasa dan sastera Melayu dalam bidang pendidikan dan kerjaya ke arah pemantapan cita rasa sastera dalam kalangan masyarakat. Antara objektif kurikulum Kesusasteraan Melayu ini, antaranya:

- Memahami isi dan menganalisis aspek sastera
- Mengapresiasi karya sastera melalui aktiviti sastera
- Menghayati dan menghargai estetik bahasa
- Menghargai penulis dan karya yang dihasilkannya
- Memberikan pandangan, menilai karya sastera secara kritis dan menyuburkan nilai kemanusiaan di samping memupuk semangat cintakan Negara
- Menghasilkan karya sastera yang pelbagai, sesuai dengan kebolehan pelajar
- Memupuk budaya membaca untuk memperkembangkan dan mengekalkan minat terhadap sastera Melayu

Pendidikan Kesusasteraan Melayu pada umumnya dapat melahirkan rasa sejahtera dalam diri pelajar bagi memantapkan emosi mereka yang berada pada peringkat awal remaja. Sebahagian besar karya sastera membawa perasaan senang dan terpelihara untuk membentuk karakter pelajar yang selari dengan matlamat falsafah pendidikan kebangsaan. Di samping itu, melalui pengajaran Kesusasteraan Melayu pelajar dapat memperluaskan persepsinya terhadap norma-norma masyarakat. Manakala, melalui bacaan terhadap sesebuah karya, pelajar dapat memahami masalah hubungan di antara kaum serta cara menyelesaikannya. Seterusnya, pelajar dapat memahami perlunya identiti atau karakter sesuatu bangsa atau negara yang akan membentuk semangat patriotisme dan persaudaraan sejagat dalam pertumbuhan peradaban bangsa.

Dalam konteks penghasilan sesebuah karya sastera, ia mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat terutama masyarakat pembaca. Kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat. Begitu juga sebaliknya, ia saling memerlukan dan saling bekerjasama. Namun dalam konteks hubungan sastera dengan masyarakat, jika dilihat daripada sudut sosiologi adalah lebih rapat dan kompleks mirip

kepada hubungan antara teori dengan praktis yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Ini menunjukkan bahawa pengaruh masyarakat terhadap sesebuah karya sastera itu amat kuat. Masyarakat mempunyai kuasa penentu terhadap pencipta dan nilai sastera. Ini disebabkan masyarakat dan tatasusilanya mempunyai ukurannya sendiri mengikut budaya dan adat istiadatnya. Justeru itu, masyarakat selalunya bersifat normatif, iaitu mempunyai ukuran-ukuran yang perlu diikuti. Norma-norma ini menjadi tradisi dan garis petunjuk ketamadunan bagi sesuatu bangsa. Biasanya ia menjadi undang-undang yang tidak tertulis dan kadang-kadang mengalami perubahan zaman, walaupun ukuran itu tidak rigid. Tetapi secara asasnya, ia mempunyai kuasa untuk menentukan sesuatu, termasuklah soal pembinaan karakter atau indentiti sesebuah negara bangsa.

Pendekatan *sosiologi sastera* ini digunakan untuk membuat penelitian terhadap pembinaan karakter pelajar yang berasaskan kepada bahan komsas bagi pelajar tingkatan 4 dan 5 sekolah menengah. Penelitian tekstualiti ini berasaskan kepada kajian kualitatif yang menganalisis sesebuah karya sastera sebagai suatu reaksi peristiwa yang terjadi dalam masyarakat. Pendekatan ini memberi penekanan kepada aspek-aspek sosial tentang bagaimana seseorang rakyat atau individu seharusnya menjadi anggota masyarakat yang berkarakter berguna, bertanggungjawab demi kepentingan masyarakat umumnya. Dalam hal ini, pendekatan sosiologi tidak dapat lari daripada turut membicarakan tentang pengkaryanya, begitu juga dalam penelitian komsas sekolah menengah ini.

Pembelajaran sastera diyakini dapat memberikan sumbangan aktif terhadap pembinaan karakter pelajar. Oemarjati (1992), menjelaskan bahawa pengajaran sastera pada dasarnya berupaya mengembangkan misi efektif iaitu memperkayakan pengalaman pelajar dan menjadikannya lebih peka terhadap peristiwa di sekelilingnya. Tujuan akhir pembelajaran sastera adalah menanamkan, memupuk, dan mengembangkan kepekaan terhadap masalah manusiawi, pengenalan dan rasa hormat terhadap nilai, baik dalam konteks individu, mahupun sosial. Lazar (2002) berpendapat bahawa manfaat pembelajaran sastera ialah pertama, memberikan motivasi kepada pelajar. Kedua, memberi pengetahuan berkenaan latar belakang budaya. Ketiga memberi pengetahuan mengenai pemerolehan bahasa. Keempat, memperluas perhatian pelajar terhadap bahasa. Kelima, mengembangkan kemampuan tafsiran pelajar, dan keenam, mendidik pelajar secara holistik. Oleh yang demikian, apresiasi sastera adalah inti atau keutamaan dalam pembelajaran sastera dan untuk melihat pembinaan karakter dalam pembelajaran sastera, pelajar seharusnya berupaya untuk mengapresiasi karya sastera. Apresiasi sastera perlu melihat ketiga-tiga aspek iaitu pengarang, teks dan pembaca secara seimbang dan mesti memberi perhatian yang sama.

Menurut Efendi et. al (1998), apresiasi merupakan perbuatan menghayati sastera secara bersungguh-sungguh. Dalam penghayatan karya tersebut akan terjadi proses pengenalan, pemahaman, penghayatan, penikmatan, dan setelah itu penerapan. Ini dapat disimpulkan bahawa pembelajaran Komsas sebagai suatu pengalaman yang bermakna bagi sesuatu pembelajaran yang mesti difikirkan, dihayati, dinikmati, dirasakan, dan dilaksanakan. Hal ini bermakna pembelajaran Komsas adalah pembelajaran yang tidak dapat dilepaskan daripada apresiasi. Pelbagai ilmuwan sarjana menegaskan bahawa pembelajaran Komsas disajikan dalam bentuk apresiasi sastera dan hendaklah menjadi cermin dalam menjalani kehidupan. Pembelajaran Komsas seharusnya memberikan pengaruh kepada kehidupan para pelajar pada masa hadapan dan menjadikan pengalaman baru yang kaya untuk memperkukuhkan pembinaan karakter pelajar, selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan.


Memperkukuhkan Pembinaan Karakter Pelajar

Pembinaan karakter adalah sebuah proses yang berlanjutan, iaitu selama mana sesebuah bangsa berlangsung dan ingin wujud, pendidikan membina karakter menjadi suatu kemestian untuk dianggap bangsa yang mempunyai martabat yang tinggi. Pendidikan membina karakter mesti menjadi bahagian terkukuh daripada pendidikan walaupun beralih generasi kepimpinan. Proses pembinaan karakter akan melibatkan pelbagai ragam perkembangan anak didik, seperti kognitif, afektif dan perkembangan psikomotor sebagai suatu keutuhan dalam konteks kehidupan bermasyarakat.

Sejajar dengan matlamat negara untuk meningkatkan kualiti bangsa, peningkatan karakter adalah suatu matlamat yang menjadi arus utama bagi pembangunan manusia semahunya. Karakter sesuatu bangsa ditentukan oleh karakter individu yang berhimpun dalam suatu komuniti. Zubaedi

(2011) menyatakan bahawa karakter individu ditentukan oleh tindakan berdasarkan nilai yang diamalkan dan sekaligus menjadi panduan dalam kehidupan masyarakat. Rusyiana (1984) mengemukakan bahawa nilai ialah harga, makna, isi, pesan, semangat, atau jiwa yang tersurat dan tersirat dalam fakta, konsep, dan teori sehingga bermakna secara fungsional. Batasan ini menunjukkan bahawa nilai bersifat fungsional yang ada di luar diri individu. Nilai menjadi indikator atau unsur dalam perilaku yang dapat mencerminkan nilai hidup yang dimilikinya.

Pendidikan membina karakter adalah pendidikan sepanjang hayat, iaitu sebagai proses pengembangan ke arah manusia yang holistik. Pembinaan karakter ini memerlukan guru yang berkarakter sebagai pola ideal. Menurut Lickona (2013), pendidikan karakter mesti bersifat *multilevel* dan *multi-channel* kerana tidak mungkin hanya dilakukan oleh institusi sekolah sahaja. Pembentukan karakter perlu mempunyai teladan, perlakuan nyata dalam latar kehidupan yang tulen atau nyata. Oleh itu, pembinaan karakter mesti menjadi sebuah gerakan yang bersifat holistik, melibatkan pelbagai pihak dan peringkat serta berlangsung dalam penetapan kehidupan semula jadi. Namun, perkara yang harus dihindari adalah jangan sampai tersasar menjadi gerakan dan tunjang politik yang akhirnya hanya membentuk pelbagai perilaku formalistik-pragmatik yang berorientasikan kepada asas manfaat dan seterusnya akan merosakkan karakter dan martabat bangsa.



Rajah 1.1: Komposisi Pendidikan dalam Pembinaan Karakter Pelajar

Rajah 1.1 menjelaskan komposisi pembinaan karakter yang memiliki tanggungjawab dalam memberi keutamaan kepada pendidikan nilai, lingkungan persekitaran dan spiritual yang sesuai dengan tahap, peringkat dan jenis institusi pendidikan. Proses pengenalan diri, apresiasi diri dan pembiasaan diri tentang nilai dan moral harus berlanjutan di tahap sekolah setelah tahap keluarga. Pada tahap sekolah, ia seharusnya menjadi tempat untuk pertumbuhan nilai dan moralnya sehingga terjadi proses pembinaan kebudayaan. Dalam konteks ini, sistem persekolahan di Malaysia dituntut untuk dapat menyumbang secara signifikan dalam memperkukuhkan pembinaan karakter warganegaranya agar memiliki identiti, jati diri dan harga diri bangsanya serta dapat tetap boleh hidup sejajar dengan bangsa-bangsa lain di dunia yang berteraskan kepada peradaban negara bangsa yang berkarakter unggul. Daripada penelitian yang dibuat terhadap karya komsas, sopan santun dan beretika menjadi begitu dominan sebagai teras membina karakter pelajar sesuatu bangsa. Malah, sopan santun telah sinonim dengan budaya masyarakat Melayu dan boleh dikatakan diwarisi daripada nenek moyang yang masih menjadi tunjang utama bagi masyarakat Melayu dalam menjalani kehidupan seharian. Boleh dikatakan bahawa ia menjadi teras dalam membina identiti dan lambang sesebuah bangsa yang hidup dalam komuniti bermasyarakat pelbagai kaum. Bagi masyarakat Islam terutamanya, sopan santun melambangkan kecantikan yang paling utama bagi seseorang individu. Santun dalam tertibnya adab

dan ketinggian ilmu meletakkan ia sebagai aspek yang terpenting mengatasi kecantikan wajah dan pakaian seseorang.

Sopan santun pelajar ataupun seseorang individu itu boleh dilihat dari kesantunan berbahasa kerana ia adalah persepsi pertama yang akan dinilai oleh seorang orang individu terhadap individu yang lain. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2014) menyatakan bahawa kesantunan bahasa merujuk nilai sopan, melibatkan pertuturan yang elok, halus dan indah serta sikap yang memancarkan budi pekerti mulia. Tidak dapat dinafikan bahawa kesantunan berbahasa ini merupakan aspek yang penting dalam pertuturan seharian tidak kira lapisan umur dan masyarakat. Menjaga aspek pertuturan dilihat mampu mewujudkan keramahan dan sekali gus membangkit semangat perpaduan yang mana dilihat sebagai aspek yang penting bagi anggota masyarakat di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian kaum ini. Ia amat jelas apabila ditekankan dalam prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan yang menjadi teras bagi kemajmukan rakyat di Malaysia.

Menurut Ding Choo Hig (2005), bahasa yang baik, elok, berfaedah dan santun itu bukan sahaja perlu dipelajari daripada buku, tetapi juga diasuh oleh ibu bapa, di samping bergaul dengan orang yang lebih berpengalaman. Kepentingan akan kesopanan dalam berbahasa ataupun tingkah laku amat dititikberatkan kepada remaja ataupun pelajar di sekolah. Ia telah dipersetujui oleh Falsafah Pendidikan Negara yang mana ingin melahirkan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Aspek kesantunan dalam bahasa ini secara mudahnya dapat dilihat dengan memerhati kepada pemilihan dan penggunaan kata ganti diri oleh pelajar seperti 'saya', aku, 'awak' dan 'kamu', yang dapat menggambarkan kesantunan seseorang murid dalam komunikasi contohnya; Abdullah Hassan dan Aion Mohamad (1994) menyatakan bahawa kesantunan berbahasa datang daripada peribadi yang bersopan santun. Maka, dapat dilihat di sini bahawa sopan santun secara langsungnya mempunyai hubungan dengan kesantunan bahasa seseorang individu. Jika seseorang individu itu mempunyai kesantunan bahasa yang tinggi maka dapat ditafsirkan bahawa individu tersebut adalah seorang yang bersopan santun dan begitulah sebaliknya. Bagi seseorang pelajar, ia menunjukkan seseorang pelajar tersebut mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi yang mana nilai-nilai murni ini amatlah dititikberatkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Manakala beretika atau kata akarnya etika adalah istilah yang asalnya dari perkataan Greek iaitu 'ethos' yang menfokuskan kepada karektor seseorang individu, perwatakan atau keperibadian seseorang. Etika juga dapat dijelaskan adalah sebagai panduan tingkah laku seseorang manusia yang mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan seharian. Etika juga boleh dikatakan sebagai suatu perbuatan yang dilakukan dengan sengaja yakni melalui hasil pemikiran dan pertimbangan akal budi yang boleh dikaitkan dengan pemikiran yang sistematik untuk kelakuan, motivasi dan situasi dalaman yang disedari oleh pelakunya.

Menurut Kamus Dewan, etika adalah sebagai berikut: a) ilmu bukan dasar-dasar akhlak atau moral; b) suatu sistem dasar-dasar akhlak atau tingkah laku bagi sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan dan lain-lain). Maka, dapat difahami bahawa etika adalah sesuatu yang berkait rapat dengan sikap seseorang individu atau masyarakat. Berkemungkinan etika yang diamalkan itu adalah yang baik ataupun sebaliknya. Adat resam yang diwarisi oleh seseorang individu atau masyarakat dari turun-temurun boleh dikatakan mempengaruhi etika mereka kerana adat resam ini boleh menjadi garis panduan ataupun peraturan yang akan diikuti oleh mereka. Etika sesebuah masyarakat atau individu itu sebenarnya juga boleh dikatakan telah terbentuk dari zaman dahulu lagi.

Kichener (1984) telah memperincikan prinsip etika kepada lima perkara iaitu autonomi, mengelak daripada mencederakan, melakukan sesuatu yang baik, bersifat adil dan bersifat taat setia. Jika dilihat kepada lima prinsip ini, kita dapat memahami bahawa etika memberi kebaikan dan kesan positif kepada individu mahupun sesebuah organisasi dalam jangka masa panjang ataupun pendek. Ia juga adalah bersifat sarwajagat yang mana mencakupi seluruh aspek walaupun berbeza agama, budaya, adat resam mahupun kepercayaan.

Bagi seseorang pelajar, etika boleh difokuskan kepada etika seseorang pelajar terhadap dirinya sendiri yang mana adalah berkaitan dengan tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar. Dalam usaha memupuk pelajar yang baik akhlaknya, etika sememangnya wajar ditekankan sama ada etika terhadap diri seseorang pelajar itu sendiri, etika terhadap ibu bapa, etika sebagai seorang remaja dalam sosiati masyarakat dan juga etika terhadap guru dan pihak sekolah. Dengan menjadikan etika sebagai

landasan dalam kehidupan seseorang pelajar, ini menjadikan dan mengarahkan seseorang pelajar itu secara khusus ke arah kebaikan dan menjadikan mereka adalah seorang insan yang sempurna.

Penelitian terhadap pembinaan karakter sopan-santun dan beretika melalui pembelajaran Komsas dalam kurikulum di peringkat sekolah telah melibatkan tiga cerpen yang terkandung di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah bagi subjek Bahasa Melayu (KBSM) tingkatan lima iaitu Sejadah Rindu. Pemilihan teks dari genre cerpen iaitu Cinta Ahmad Mutawakkil, Hipertensi dan Gerhana Manusia. Setiap cerpen yang terkandung dalam antologi ini akan disemak sama ada mempunyai nilai dan pengajaran yang dapat memupuk sikap bersopan santun dan juga beretika dalam kalangan pelajar. Penumpuan terhadap dua aspek ini dilihat memainkan peranan penting bagi membentuk karakter pelajar yang unggul. Bagi mendokong kajian teks yang dijalankan, soal selidik terhadap responden yang telah dipilih bagi mendapatkan maklum balas sama ada teks cerpen bacaan mereka dapat memberikan nilai dan pengajaran yang mana sangat penting dalam pembentukan karakter ataupun tidak.

Jadual 1: Jadual Senarai Semak Identiti Pelajar (bersopan-santun dan beretika)

Cerpen/Identiti Pelajar	Bersopan-santun	Beretika
1. Cerpen Cinta Mutawakkil	/	
2. Cerpen Hipertensi		/
3. Cerpen Gerhana Manusia		/

Bersopan santun dilihat menjadi identiti yang sangat penting dalam diri pelajar sama ada kesantunan dari akhlak ataupun juga bahasa. Kedua-dua sisi ini sememangnya harus bergerak seiring. Harus diakui di dalam karya sastra, kedua-dua sisi ini amatlah ditekankan oleh pengarang sebagaimana prinsip yang terkandung dalam pendekatan moral. Melalui Jadual 1, menunjukkan bahawa cerpen *Cinta Mutawakkil* adalah cerpen yang jelas memaparkan identiti bersopan santun. Kesantunan masyarakat Melayu pada zaman kemerdekaan adalah sangat jelas di mana masyarakat Melayu sangat menghormati kehadiran bangsa Inggeris. Memang tidak dapat disangkal, identiti ini masih sehati dan melekat bagi menggambarkan identiti masyarakat Melayu pada masa kini yang hidup dalam komuniti masyarakat pelbagai kaum.

Masyarakat Melayu memang pada azalnya mempunyai kesantunan budi bahasa yang sangat dipandang tinggi oleh masyarakat dan bangsa lain sejak zaman dahulu lagi. Ia sudah menjadi sehati dalam budaya masyarakat sejak zaman penjajahan. Kemasukan bangsa Cina yang melatari sektor perlombongan dan bangsa India memenuhi estet-estet getah telah menjadikan masyarakat Melayu pada ketika itu mengadaptasi cara kehidupan yang pelbagai kaum, menghormati budaya orang luar serta menyemai kesantunan dalam perhubungan. Peranan yang dimainkan oleh individu dalam cerpen ini seperti Ahmad Mutawakkil dan Imam Ngah Deraman sebeginilah yang sepatutnya ada dalam komuniti masyarakat kita sehingga sekarang kerana ia dilihat mampu mengekalkan keamanan sejagat dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum. Walaupun kadang kala pasti ada isu yang boleh mengeruhkan kejernihan perhubungan ini, namun masyarakat kita bijak mengatasinya tanpa mengheret sesuatu isu itu berlarutan seterusnya menggugat keamanan, kestabilan politik serta ekonomi negara.

Selain itu juga, melalui cerpen ini, para pelajar dapat melihat kesantunan yang terdapat dalam diri Ahmad Mutawakkil apabila dia sangat mengenang budi akan anak Tuan Booth iaitu Sandra. Sandralah yang mengajar Ahmad Mutawakkil menulis dan membaca yang membolehkan Ahmad Mutawakkil menjadi seorang wartawan yang berjaya. Pengarang juga turut mengenengahkan kesantunan yang ada pada bangsa lain iaitu Inggeris melalui Tuan Booth sekeluarga. Tuan Booth juga sangat berbudi bahasa orangnya kerana beliau sangat baik dalam bergaul dengan masyarakat Melayu pada ketika itu walaupun beliau adalah orang yang berpengaruh di kampung terbabit.

Tuan Booth juga bijak dalam pergaulannya dengan masyarakat sekampung apabila beliau juga turut cuba mendekati masyarakat kampung dengan berbual-bual dengan mereka. Seminggu sebelum Jepun tiba di kampung tersebut, Tuan Booth sekeluarga telah berundur seketika tetapi kembali semula ke estet setelah Jepun kalah dan keluar dari Tanah Melayu. Sekembalinya Tuan booth sekeluarga ke estet, peribadi dan kesantunan yang ada dalam diri beliau masih belum berubah malahan keakrabaan

terjalin semakin utuh. Ini diikuti oleh anak perempuan Tuan Booth iaitu Sandra di mana Sandra adalah sangat tertib orangnya seperti anak gadis Melayu. Walaupun dilihat sebagai insan yang sangat berjasa di sebalik kejayaan yang dikecapi oleh Ahmad Mutawakkil, Sandra tetap tidak bermegah di atas segala budi yang telah dilakukannya kepada Ahmad Mutawakkil. Sandra juga seorang yang sangat ikhlas budinya kerana walaupun Tuan Booth sekeluarga pulang ke England setelah seminggu Tanah Melayu merdeka, dia tetap kembali ke Tanah Melayu menabur budi mendidik anak-anak kampung.

Melalui kesantunan yang cuba diketengahkan oleh pengarang melalui cerpen, ternyata dapat mewujudkan keakraban sesebuah hubungan lantaran membangkitkan suasana yang harmoni yang mana dilihat mampu memberi banyak kesan positif dan baik. Sebagaimana bagi seseorang pelajar juga, suasana yang harmoni dan perhubungan yang penuh keakraban yang kaya dengan sifat hormat menghormati antara rakan pelajar, guru, kakitangan sekolah dan juga ahli keluarga akan menyumbang kepada persekitaran yang sihat untuk pembelajaran. Persekitaran yang sihat mewujudkan keselesaan dan kententeraman kepada pelajar untuk menimba ilmu. Proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah berjalan dengan lancar dan objektif PdP yang cuba disampaikan terlaksana secara berkesan. Pelajar juga mempunyai motivasi yang tinggi kerana mendapat dokongan sepenuhnya dari pihak sekolah dan juga keluarga kerana suasana yang harmonis ini. Pada akhirnya semestilah mereka mampu cemerlang dalam akademik, ko-kurikulum dan segala lapangan yang diceburi.

Jadual 1 juga menunjukkan bahawa dua cerpen yang seterusnya iaitu *Hipertensi* dan *Gerhana Manusia* memenuhi kriteria yang menekankan aspek pembentukan karakter beretika. Dalam *Cerpen Hipertensi*, aspek beretika diolah oleh pengarang dengan begitu padat melalui kewibawaan seorang pelajar yang bernama Aiman Aqil. Aiman adalah seorang murid yang gagap tetapi sangat bijak dalam pelajaran. Aiman bercita-cita tinggi yang mana dia berkeinginan ingin menjadi seorang angkasawan yang berjaya apabila dewasa kelak. Namun begitu, di sebaliknya Aiman mempunyai kekurangan yang mana dia amat suka memberontak sebagai menunjukkan tanda protes kepada kedua ibu bapanya. Dalam cerpen ini, pengarang tidak menunjukkan aspek etika itu melalui watak utama sahaja iaitu Aiman Aqil tetapi juga melalui watak sampingan iaitu kedua ibu bapa Aiman dan juga Cikgu Faridah. Oleh yang demikian, aspek beretika ini ditunjukkan melalui apa yang tersirat di sebalik jalan cerita yang mana memerlukan murid memahami isi jalan cerita yang digarap oleh pengarang dan watak perwatakan yang digunakan dalam jalan cerita cerpen ini.

Melalui kedua ibu bapa Aiman, pelajar dapat memahami akan peranan dan tanggungjawab sebenar sebagai ibu bapa dalam membesarkan anak seperti Aiman. Walaupun bapa Aiman adalah seorang yang bengis dan garang, tetapi beliau seorang yang bertanggungjawab dalam menggalas tugas sebagai orang bapa dan penyayang. Begitu juga apa yang digambarkan melalui watak ibu Aiman yang penyayang dan bertanggungjawab terhadap tanggungjawab sebagai seorang ibu dan isteri. Sememangnya dalam membesarkan anak-anak yang sedang meningkat dewasa sangatlah mencabar di mana setiap anak-anak itu sedang mencari identiti dalam membentuk karakter mereka sendiri dan ada antara mereka mengalami krisis dalam proses ini. Ia lebih mencabar apabila memiliki anak istimewa seperti Aiman yang mana dia adalah seorang yang gagap dan suka memberontak. Namun dengan etika yang dipunyai oleh kedua ibu bapa Aiman, ia dapat membentuk dan memandu Aiman untuk menjadi seorang remaja yang tidak tersasar pada jalan yang tidak sepatutnya. Ketegasan ibu bapa Aiman dalam membentuk Aiman menjadi seorang pelajar yang baik tingkah lakunya haruslah dicontohi yakni dalam menangani masalah disiplin Aiman yang gemar ponteng sekolah ketika di sekolah rendah.

Walaupun terdapat sedikit kekerasan dan ketegasan dalam mendidik seorang anak, masih terselit kasih sayang dan keprihatinan kedua ibu bapa Aiman yang cuba ditonjolkan oleh pengarang. Itulah yang menjadi bukti akan kasih sayang kedua ibu bapa terhadap anaknya walaupun mungkin si anak berpendapat bahawa ibu bapa pilih kasih dan tidak menyayangi mereka. Bak kata pepatah 'sayang anak tangan-tangankan, sayang isteri tinggal-tinggalkan'. Bukanlah bertujuan untuk memudaratkan si anak, tetapi maksud yang disampaikan adalah pukulan yang ringan-ringan sahaja yang mana bukanlah bertujuan untuk memudaratkan. Namun apa yang terjadi dalam cerpen ini mungkin sebaliknya apabila tamparan yang selalu singgah di pipi Aiman oleh Babahnya kerana kenakalannya itu adalah sedikit keterlaluan. Namun begitu, mungkin ada sekelumit penyesalan yang terbit dari Babah Aiman kerana memperlakukan anaknya sedemikian rupa. Maka, dengan itulah mereka mencuba yang sebaiknya supaya Aiman mempunyai masa depan yang cerah.

Di samping itu juga, watak Cikgu Faridah iaitu sebagai seorang guru sains di sekolah Aiman yang sangat berdedikasi dalam menjalankan amanahnya sebagai seorang guru sangatlah wajar dicontohi. Bagi pelajar tingkatan lima yang bakal menjengah ke alam kerjaya ataupun institusi yang lebih mencabar dari alam persekolahan, mereka sepatutnya menjadikan ia sebagai pengajaran bagi membentuk etika dalam menggalas amanah dan tanggungjawab yang lebih besar. Dalam mengawal kerenah pelajar seperti Aiman, Cikgu Faridah menggunakan kepakarannya sebagai seorang guru dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran masih terkawal. Walaupun kemunculan watak Cikgu Faridah hanyalah kecil sahaja di dalam jalan cerita cerpen ini, namun ia masih meninggalkan pengajaran yang sangat berbekas kepada para pembaca. Walaupun keterbatasan kesabaran seorang guru diuji dalam mengawal kenakalan murid seperti Aiman, Cikgu Faridah masih bijak mengawal dirinya dan situasi pengajaran dan pembelajaran agar masih berjalan dengan lancar. Justeru itu, cerpen *Hipertensi* meletakkan pengajaran bahawa kepentingan beretika secara tersirat dilihat sedikit sebanyak mempengaruhi dan memupuk sisi beretika dalam diri setiap pelajar. Ia sekaligus boleh memperbaiki dan meningkatkan nilai moral dalam sesebuah masyarakat. Selain itu, ia juga dapat membangunkan aspek kemasyarakatan terutamanya dari segi institusi kekeluargaan yang mana menyentuh peranan kedua ibu bapa dan seorang anak secara tidak langsung.

Melalui Jadual 1 juga menunjukkan plot penceritaan yang diolah oleh pengarang meletakkan aspek beretika melalui tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh doktor dalam menjalankan tugas mereka merawat pesakit. Pada permulaan penceritaan oleh pengarang yang mana menggambarkan situasi kritikal seorang pesakit, Tuan Besar Muda dan keadaan persekitaran yang agak tertekan di mana Prof Doktor Juadi yang dibantu oleh Doktor Murni dan jururawat bernama Nusia. Konflik yang dialami dalam penceritaan cerpen ini adalah apabila stok tabung darah di bank darah yang sudah kehabisan. Demi tanggungjawab menyelamatkan nyawa pesakit yang sedang kritikal, pertimbangan yang waras oleh seorang doktor dalam memberi keutamaan yang manakah harus didahulukan. Dalam cerpen ini, pertimbangan seorang doktor dalam menyelamatkan nyawa pesakit dilihat sangatlah tidak adil di mana darjat dan kepentingan menjadi ukuran yang pertama apabila seorang doktor membuat pertimbangan. Maka boleh dikatakan cerpen ini mengengahkan dan mempersoalkan aspek etika seorang doktor yang mana membawa kepada nilai dan pengajaran dalam kehidupan seharian pembaca terutama kepada pelajar.

Darjat dan kepentingan yang dijaga telah diletakkan di hadapan dalam membuat pertimbangan walhal apa yang sepatutnya adalah keadilan layanan dalam usaha merawat haruslah diutamakan. Pertimbangan yang dilakukan oleh Professor Doktor Juadi memberi keutamaan dalam menyelamatkan nyawa bagi orang yang lebih berkepentingan dalam masyarakat dan yang selalu menyumbang kepada organisasi hospital terbabit dalam majlis lebih diutamakan. Walhal, ia sepatutnya tidak berlaku dalam situasi sebegini. Walaupun masih terdapat nilai kemanusiaan dalam Professor Doktor Juadi jelas terpancar dengan kegigihan beliau yang berusaha keras dalam menyelamatkan nyawa Tuan Besar Musa, namun pertimbangan yang dilakukan oleh beliau sangatlah tidak mencerminkan etikanya sebagai seorang doktor pakar dan ketua dalam organisasi. Pelbagai langkah yang diambil oleh beliau bagi menyelamatkan Tuan Besar Musa dengan meningkatkan kadar penggunaan *adrenalina*, *dopamine* dan *atropinea* namun nyawa Tuan Besar Musa tidak dapat diselamatkan. Professor Doktor Juadi sangat kecewa dan tertekan kerana dengan kematian Tuan Besar Musa itu mengakibatkan kelab elit mereka akan kehilangan tajaan sebanyak RM100 ribu.

Strategi pengarang yang cuba menyampaikan nilai pengajaran melalui watak Professor Doktor Juadi melalui sudut negatif yang terdapat dalam dirinya sebagai seorang doktor cuba diseimbangkan oleh watak Doktor Murni dan Nusia di mana mereka berdua mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi. Ikhlas dan amanahnya hati seorang doktor dalam menjalankan tugasnya jelas terpancar oleh Doktor Murni. Doktor Murni juga sanggup melepaskan jawatannya di hospital terbabit kerana tidak dapat menahan kesabaran dari terus berada dalam situasi dan persekitaran yang negatif untuk dirinya yang mana menolak ketepi nilai kemanusiaan ketika menjalankan tugas. Kesedaran yang cuba diketengahkan oleh pengarang dari sudut beretika bagi seseorang individu itu menjalankan tugas dapat memberikan seribu satu teladan kepada pelajar apabila mereka dewasa kelak dan berkerjaya, tidak kiralah apa sahaja jawatan yang bakal digalas.

Bagi mencapai misi dan visi setiap sekolah, sememangnya aspek etika menyumbang peranan yang besar di mana apabila sesebuah institusi sekolah mempunyai pelajar yang beretika yakni

berdisiplin tinggi akan memandu institusi sekolah mencapai kecemerlangan dalam semua peringkat. Maka, jelaslah etika penting untuk diterapkan dalam diri setiap pelajar. Melalui subjek yang diajar di sekolah terutamanya pendidikan kesusasteraan serta Komsas, nilai-nilai positif yang diselitkan melalui karya yang telah dipilih kaya dengan nilai-nilai positif untuk dijadikan pengajaran kepada para pelajar lantaran dapat membina karakter pelajar yang baik dan menarik. Hasil karya sebegini yang memberi penekanan kepada aspek isi yakni jalan cerita yang padat melalui situasi genting ketika menyelamatkan nyawa pesakit wajarlah diketengah dan ditekankan kerana di samping memberi nilai dan pengajaran dalam membentuk karakter pelajar, ia juga mampu menambah ilmu pengetahuan dari segi sains kesihatan dan teknologi yang mana sangatlah ditekankan oleh pihak kementerian pada masa kini. Akhirnya, pencapaian dalam pembelajaran juga bertambah apabila menerapkan nilai-nilai etika yang mana seterusnya dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Jadual 2: Nilai Dan Pengajaran Cerpen Dapat Membentuk Identiti Pelajar.

No. Item	Item	Bilangan Responden	Ya		Tidak	
			(N)	(%)	(N)	(%)
1.	Saya bersetuju bahawa Cerpen Cinta Mutawakkil mempunyai nilai dan pengajaran yang sangat tinggi.	30	29	96.7	1	3.3
2.	Jalan cerita Cerpen Cinta Mutawakkil amat sesuai untuk dijadikan Teks Komponen Sastera.	30	30	100	0	0
3.	Cerpen Cinta Mutawakkil dapat membentuk saya menjadi seorang pelajar yang beretika dan bersopan santun.	30	26	90	4	10
4.	Saya bersetuju bahawa Cerpen Hipertensi mempunyai nilai dan pengajaran yang sangat tinggi.	30	29	96.7	1	3.3
5.	Jalan cerita Cerpen Hipertensi amat sesuai untuk dijadikan Teks Komponen Sastera	30	27	90	3	10
6.	Cerpen Hipertensi dapat membentuk saya menjadi seorang pelajar yang beretika dan bersopan santun	30	27	90	3	10
7.	Saya bersetuju bahawa Cerpen Gerhana Manusia mempunyai nilai dan pengajaran yang sangat tinggi	30	28	93.3	2	6.7
8.	Jalan cerita Cerpen Gerhana Manusia amat sesuai untuk dijadikan Teks Komponen Sastera	30	25	83.3	5	16.7
9.	Cerpen Gerhana Manusia dapat membentuk saya menjadi seorang pelajar yang beretika dan bersopan santun.	30	27	90	3	10
	Keseluruhan	30	30			

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis terhadap maklum balas yang diterima bagi pendapat sama ada responden bersetuju ataupun tidak nilai dan pengajaran yang terkandung dalam ketiga-tiga cerpen iaitu *Cinta Mutawakkil*, *Hipertensi* dan *Gerhana Manusia* berupaya membina karakter pelajar bagi mendokong penelitian terhadap ketiga-tiga teks cerpen yang dipilih. Bagi cerpen *Cinta Mutawakkil* 29 orang responden (96.5 %) bersetuju bahawa cerpen ini mempunyai nilai dan pengajaran yang sangat tinggi manakala seorang responden (3.3%) tidak bersetuju bahawa cerpen ini mempunyai nilai dan

pengajaran yang sangat tinggi. Seterusnya, keseluruhan responden (100%) bersetuju bahawa cerpen ini amat sesuai untuk dijadikan Teks Komponen Sastera. Berdasarkan daripada 30 responden, seramai 26 responden (90.0%) pula bersetuju bahawa cerpen ini dapat membentuk karkter mereka menjadi seorang pelajar yang beretika dan bersopan santun manakala 4 orang responden (10.0%) tidak bersetuju.

Bagi soalan ke 4, 5 dan 6 pula ia adalah berdasarkan cerpen *Hipertensi*. Seramai 29 orang responden (96.7%) bersetuju bahawa cerpen *Hipertensi* mempunyai nilai dan pengajaran yang sangat tinggi manakala selebihnya iaitu seorang responden (3.3%) tidak bersetuju bahawa cerpen ini mempunyai nilai dan pengajaran yang sangat tinggi. 27 orang responden (90.0%) pula bersetuju bahawa cerpen *Hipertensi* amat sesuai dijadikan teks komponen sastera tetapi 3 orang responden (10.0%) pula tidak bersetuju. Bagi maklum balas sama ada cerpen *Hipertensi* dapat membentuk karakter mereka menjadi seorang pelajar yang beretika dan bersopan santun ataupun tidak, seramai 27 orang responden (90.0%) bersetuju dan 3 orang responden (10.0%) pula tidak bersetuju.

Masih pada bentuk soalan yang sama, soalan 7,8 dan 9 pula adalah bagi cerpen *Gerhana Manusia*. Sebanyak 28 orang responden (93.3%) bersetuju bahawa cerpen *Gerhana manusia* mempunyai nilai dan pengajaran yang sangat tinggi manakala 2 orang responden (6.7%) pula tidak bersetuju bahawa cerpen ini mempunyai nilai dan pengajaran yang tinggi. Responden juga telah memberikan maklum balas akan jalan cerita cerpen *Gerhana Manusia* amat sesuai untuk dijadikan Teks Komponen Sastera di mana sebanyak 25 orang responden (83.3%) bersetuju bahawa cerpen ini adalah sesuai dan 5 orang responden (16.7%) tidak bersetuju. Bagi respon terakhir yang diterima untuk bahagian B, sebanyak 27 orang responden (90.0%) memberikan maklum balas bahawa mereka bersetuju bahawa cerpen *Gerhana Manusia* dapat membina karakter mereka menjadi seorang pelajar yang beretika manakala 3 orang responden (10.0%) pula tidak bersetuju.

Jadual 3: Kesan Dan Manfaat Pembelajaran Komsas Dalam Pembentukan Identiti Pelajar

No. Item	Item	Bil. Responden	Sangat setuju		Setuju		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
			(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)	(N)	(%)
10.	Teks cerpen dalam Antologi Sejadah Rindu menarik minat saya belajar Komsas.	30	15	50.0	15	50.0	0	0.0	0	0.0
11.	Teks Komsas mengandungi nilai dan pengajaran yang sangat tinggi.	30	19	63.3	11	36.7	0	0.0	0	0.0
12.	Pengajaran dan pembelajaran Komsas dapat memupuk identiti pelajar yang baik.	30	15	50.0	13	43.3	2	6.7	0	0.0
13.	Kandungan dalam teks Komsas memberi teladan dan contoh yang berguna.	30	18	60.0	8	26.7	4	13.3	0	0.0
14.	Teks-teks Komsas wajar mengenengahkan unsur-unsur nilai kemanusiaan dan nilai murni yang tinggi.	30	19	63.3	11	36.7	0	0.0	0	0.0
15.	Bahan bacaan para pelajar sememangnya dapat mempengaruhi pembentukan identiti seorang pelajar	30	19	63.3	9	30.0	1	3.3	1	3.3
	Keseluruhan	30	30 (100%)							

Jadual 3 pula merupakan analisis terhadap kesan dan manfaat pembelajaran Komsas dalam pembentukan karakter pelajar yang telah diterima dari borang kaji selidik. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, responden yang sangat bersetuju bahawa teks cerpen dalam Antologi Sejadah Rindu menarik minat mereka dalam mempelajari Komsas adalah sebanyak 15 orang (50.0%) dan 15 orang responden (50.0%) pula adalah bersetuju manakala tiada seorang pun responden yang tidak bersetuju atau pun sangat tidak bersetuju. Seterusnya, sebanyak 19 orang responden (63.3%) sangat setuju bahawa teks Komsas mengandungi nilai dan pengajaran yang sangat tinggi dan selebihnya iaitu sebanyak 11 orang responden (36.7%) bersetuju bahawa teks Komsas mempunyai nilai dan pengajaran yang sangat tinggi. Ia menunjukkan manfaat Komsas dalam memberi nilai dan pengajaran yang tinggi mampu menarik minat mereka untuk membaca bahan bacaan sastera yang terkandung dalam Komsas.

Respon terhadap maklum balas sama ada pengajaran dan pembelajaran Komsas dapat membina karakter pelajar yang baik pula mencatatkan sebanyak 15 orang responden (50.0%) yang sangat bersetuju, 11 orang responden (43.3%) setuju dan 2 orang responden (6.7%) pula tidak setuju. Bagi mendapatkan pengesahan sama ada kandungan dalam teks Komsas memberi teladan dan contoh yang berguna pula, analisis telah mendapati bahawa sebanyak 13 orang responden (60.0%), 8 orang responden (26.7%) setuju dan 4 orang responden (13.3%) tidak setuju. Bagi maklum balas yang diterima teks-teks Komsas wajar mengenengahkan unsur-unsur nilai kemanusiaan dan nilai murni yang tinggi pula adalah mencatatkan jumlah sebanyak 19 orang responden (63.3%) sangat bersetuju dan 11 orang responden (36.7%) setuju. Berdasarkan analisis bagi mengetahui samaada bahan bacaan pelajar sememangnya dapat mempengaruhi pembentukan identiti seorang pelajar ataupun tidak, maklum balas yang diterima adalah seperti berikut iaitu 19 orang responden (63.3%) sangat setuju, 9 orang responden (30.0%) setuju, seorang responden (3.3%) tidak setuju dan seorang (3.3%) lagi pula sangat tidak bersetuju.

Pada keseluruhannya maklum balas yang diterima dalam mengetahui kesan dan manfaat pembelajaran komsas dalam pembentukan karakter pelajar, boleh dikatakan keseluruhan responden sangat bersetuju dan memberikan respon yang positif bahawa pembelajaran Komsas yang sarat dengan nilai dan pengajaran secara tidak langsung boleh membentuk karakter seseorang pelajar. Maka, dapatan kajian ini telah menjawab objektif dan juga persoalan kajian yang telah dikemukakan bagi melihat kemampuan atau keupayaan komsas dalam membentuk karakter pelajar.

Oleh yang demikian, berdasarkan penelitian dan analisis yang telah dijalankan, sememangnya murid tingkatan lima bersetuju bahawa pembacaan terhadap bahan bacaan sastera yang telah mereka pelajari dalam Komsas dapat mempengaruhi mereka dalam pembentukan karakter iaitu dari sudut bersopan santun dan beretika. Nilai dan pengajaran yang begitu sarat ditekankan dan cuba disampaikan oleh pengarang sama ada melalui plot jalan cerita, watak dan perwatakan ataupun latar seperti masa dan masyarakat yang melatari kisah sesebuah karya sangat membantu mereka. Proses pembelajaran dan pengajaran yang memupuk nilai-nilai murni bagi melahirkan generasi pelapis yang mempunyai ciri-ciri modal insan yang sangat tinggi amatlah penting. Di samping itu juga, ia dilihat mampu mengimbangi sistem kurikulum yang terdapat di sekolah kerana pembelajaran sastera dilihat mampu memanusiasikan manusia.

Nilai dan pengajaran yang begitu sarat ditekankan dan cuba disampaikan oleh pengarang sama ada melalui plot jalan cerita, watak dan perwatakan ataupun latar seperti masa dan masyarakat yang melatari kisah sesebuah karya sangat membantu pelajar dalam pembentukan identiti. Ini kerana, nilai dan pengajaran yang diperoleh dalam memandu mereka bagi membentuk insan yang baik dan sempurna. Selain itu juga, proses pembelajaran dan pengajaran yang memupuk nilai-nilai murni dilihat mampu melahirkan generasi pelapis yang mempunyai ciri-ciri modal insan yang sangat tinggi dan mampu mengimbangi sistem kurikulum yang terdapat di sekolah kerana pembelajaran sastera dilihat mampu memanusiasikan manusia.

Kepelbagaian genre yang terkandung dalam teks antologi Komsas dapat menimbulkan minat dan kecintaan murid terhadap karya-karya sastera yang kaya dengan budaya masyarakat Melayu yang diwarisi sejak turun temurun yang tinggi akan nilai harganya. Nilai-nilai murni yang banyak ditekankan dalam karya sastera ini telah berupaya memberikan nilai-nilai kemanusiaan yang sangat tinggi yang mana pada keseluruhannya memupuk bersopan-santun dan etika dalam diri seseorang pelajar. Kesantunan bahasa yang mana diolah oleh pengarang dengan menggunakan susunan kata yang penuh tertib, bahasa yang lemah lembut serta indah dibaca mampu memberi kekuatan dalam mempengaruhi para pelajar dalam berkomunikasi dan juga berinteraksi dengan komuniti masyarakat. Penekanan dan

pendedahan terhadap nilai tanggungjawab dan amanah yang sangat tinggi dalam Komsas dilihat mampu melentur semangat dan ciri-ciri beretika dalam diri pelajar sepertimana cerpen *Cinta Mutawakkil* dan *Gerhana Manusia*.

KESIMPULAN

Hasil benih idea pengarang dalam dunia sastera dilihat memainkan peranan dalam mengisi perkembangan minda seseorang pelajar, pembentukan personaliti, psikologi dan juga kerohanian. Nilai-nilai murni yang terkandung di dalam hasil karya sastera yang dipilih untuk pengajaran di dalam subjek Komsas ternyata mempunyai kekuatan mereka tersendiri. Ini kerana setiap hasil karya mengandungi unsur-unsur nilai murni yang dapat mendidik para remaja. Penekanan terhadap JERI (Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelekt) tidak dapat dinafikan dapat membentuk pelajar yang mempunyai sahsiah diri yang unggul. Sejajar dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan negara ini, proses pemilihan karya sastera untuk dijadikan teks bagi proses pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah adalah sangat penting. Oleh hal sedemikian, penekanan akan manfaat pembacaan sastera atau Komsas seharusnya memberi kesan yang positif, bukannya hanya keseronokan semata-mata. Harus diakui bahawa melalui pembacaan, para pelajar dapat memupuk daya imaginasi yang tinggi dalam menyelami dunia penceritaan yang cuba disampaikan oleh pengarang yang mana secara tidak langsung mempengaruhi pembinaan karakter seseorang pelajar. Justeru itu, pengisian yang baik dalam sesebuah karya sastera di dalam Komsas haruslah berupaya mendidik dari segi aspek jasmani mahupun rohani.

Pengaruh bahan bacaan dilihat menjadi faktor utama kepada pembentukan karakter para pelajar. Melalui pembacaan terhadap bahan bacaan sastera yang dimuatkan dalam Komsas, mampu mempengaruhi pembentukan karakter pelajar yang baik yakni dari segi aspek bersopan santun dan beretika terutamanya. Justeru itu juga, amat penting jika pemilihan teks Komsas dilakukan dengan lebih teliti bagi memberikan input yang berguna kepada para pelajar. Diharapkan hasil kajian ini dapat membuktikan bahawa betapa besarnya peranan karya sastera dalam pembentukan karakter seseorang pelajar sekali identiti sesuatu bangsa. Melihat kepada kepentingan dan kesahihan akan kekuatan pengaruh bahan bacaan sastera ini juga membuka mata pihak yang bertanggungjawab bahawa betapa pentingnya proses pemilihan karya-karya yang berkualiti tinggi. Oleh yang demikian, semua pihak yang terlibat terutama pihak kementerian, ibu bapa, guru dan pentadbir sekolah mengambil tindakan dan langkah yang sewajarnya dalam memeriahkan dunia pendidikan sastera di samping menanam semangat cinta akan karya sastera dalam dunia pendidikan serta kehidupan seharian. Keseimbangan dalam dunia pendidikan iaitu penekanan dalam dunia sains dan teknologi serta dunia sastera menjadi asas yang kukuh dalam pembinaan golongan pelapis negara pada masa akan datang. Tiada erti jika pelajar itu hanyallah hebat dan bijak tetapi tidak mempunyai karakter yang baik untuk dibanggakan.

RUJUKAN

- Auguste Comte. (1978). *Sosiologi sastera dalam koleksi teori sastera klasik, tradisional, moden, pasca moden dan tempatan*. Selangor. Pustaka Karya.
- Chew Fong Peng. (2006). Pembentukan Negara Bangsa Melalui Pendidikan Sastera. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. April 2016.
- Effendi et al. (1998). *Bimbingan apresiasi puisi*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Green, M.C., Brock, T.C., & Kautzman, G.F. (2004). Understanding media enjoyment: The role of transportation into persuasive worlds. *Communication Theory*, 14(4), 311-327.
- Jumaadi Saunri. (2007). *Persepsi pelajar aliran sains terhadap kesesuaian penggunaan komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah luar bandar*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jumali Hj Selamat. (2001). *Cerminan sosial bahan Ssstera dan nilai murni dalam novel-novel remaja*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Lazar, G. (2002). *Literature and language: Teaching, answer guide teachers and trainer*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lickona, T. (2013). *Eduating for character: Mendidik untuk membentuk karakter*. Jakarta: Bumi Aksara.

- Oemarjati, Beon s. (1992). *Sastra mencerdaskan siswa: Memperkaya pengalaman dan pengetahuan*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Pritchard, I. (1988). Character education: Research prospect and problem. *American Journal of Education*, 94(4):19-88.
- Rusyiana, Yus. (1984). *Metode pengajaran sastra*. Yogyakarta: Kanisius.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sumitro dkk. (2006). *Pengantar ilmu pendidikan*. Yogyakarta: Penerbit Universitas Negeri Surakarta.
- Suyanto. (2010). *Urgensi pendidikan karakter*. Jakarta: Ditjen Mandikdasmen Kemdiknas Republik Indonesia.
- Zaitul Akma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2014). *Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Zubaedi. (2011). *Desain pendidikan karakter*. Jakarta: Kencana.